



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

B//23

BANCI EKONOMI *ECONOMIC CENSUS* **2023**



STATISTIK MILIKAN BELIA
YOUTH-OWNED STATISTICS

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
Department of Statistics Malaysia



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI ECONOMIC CENSUS 2023

STATISTIK MILIKAN BELIA YOUTH-OWNED STATISTICS

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan. Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'. OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development. Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment. The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'. OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

	: 03-8885 7000
Tel.	: 03-8888 9248
Faks	: https://www.dosm.gov.my
Portal	: StatsMalaysia
Facebook/ X / Instagram / Youtube	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / general enquiries)
E-mel / E-mail	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / data request & enquires)
Harga / Price	: RM65.00

Diterbitkan pada Jun 2025 / *Published in June 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from the Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics, Malaysia”.

ISBN 978-967-253-901-8

KATA PENGANTAR

Penerbitan Statistik Milikan Belia adalah hasil daripada Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022 dan julung kali diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Usaha menerbitkan statistik ini bertujuan untuk mengkaji penemuan Banci Ekonomi 2023 dari dimensi yang berbeza selari dengan usaha Jabatan untuk merakmatkan statistik.

Banci ini meliputi pertubuhan yang terlibat dalam semua sektor ekonomi yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)*, Revision 4, 2008. Kali terakhir banci ini dijalankan adalah pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015.

Statistik utama berkaitan dengan bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dan nilai harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini. Statistik tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama dan kedua memaparkan infografik statistik utama dan ringkasan penemuan bagi Statistik Milikan Belia. Jadual statistik terperinci disertakan di bahagian ketiga. Manakala, bahagian keempat pula menerangkan aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep dan definisi serta pembolehubah utama bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh responden dan juga semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan banci ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

JUN 2025

PREFACE

The publication of Statistics of Youth-Owned is an outcome of the Economic Census 2023 for reference year 2022 and is published for the first time by the Department of Statistics Malaysia. The effort to publish these statistics aims to review the Economic Census in different dimensions in tandem with the Department's efforts to deliver citizen-centric statistics.

This census comprises establishments identified in all economic sectors classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The last census was conducted in 2016 for the reference year 2015.

Key statistics related to the number of establishments, value of gross output, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are reported in this publication. This data can be used by government agencies, economists, academicians, the private sector and individuals for planning and formulating policies, economic analysis, projections and assisting in business development planning.

This publication is divided into four parts. The first and second part displays infographic and a summary of findings for the statistics of Youth-Owned. Detailed statistical tables are provided in the third part. Meanwhile, the fourth part provides descriptions on technical aspects such as scope and coverage, concepts and definitions as well as the key variables used to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the co-operation rendered by the respondents as well as all parties who have contributed directly and indirectly in making this census a success. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

JUNE 2025

KANDUNGAN CONTENTS

Muka surat Page

Kata Pengantar

Preface

iii

Kandungan

Contents

v

Bahagian 1: Sorotan Utama

Part 1: Main Highlights

1

Bahagian 2: Ringkasan Penemuan

Part 2: Summary of Findings

7

Bahagian 3: Jadual Statistik

Part 3: Statistical Tables

43

Nota Teknikal

Technical Notes

61


SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

A1	Statistik utama mengikut sektor, 2022 <i>Principal statistics by sector, 2022</i>	45
A2	Statistik utama pertubuhan milikan belia mengikut sektor, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments by sector, 2022</i>	47
A3	Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor pertanian, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments in agriculture sector, 2022</i>	48
A4	Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor pelombongan & pengkuarian, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments in mining & quarrying sector, 2022</i>	49
A5	Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor pembuatan, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments in manufacturing</i>	50
A6	Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor pembinaan, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments in construction sector, 2022</i>	51
A7	Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor perkhidmatan, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments in services sector, 2022</i>	52
A8	Statistik utama pertubuhan milikan belia PKS mengikut sektor, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments SMEs by sector, 2022</i>	53
A9	Statistik utama pertubuhan milikan belia mengikut negeri, 2022 <i>Principal statistics of youth-owned establishments by state, 2022</i>	54

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

A10	Bilangan pekerja dan gaji & upah pertubuhan milikan belia mengikut kategori pekerja dan jantina, 2022 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in youth-owned establishments by category of workers and sex, 2022</i>	55
A11	Bilangan pekerja dan gaji & upah pertubuhan milikan belia mengikut sektor, 2022 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in youth-owned establishments by sector, 2022</i>	56
A12	Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut kategori pekerja dan kewarganegaraan, 2022 <i>Number of persons engaged in youth-owned establishments by category of workers and citizenship, 2022</i>	57
A13	Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut sektor dan kategori kemahiran, 2022 <i>Number of persons engaged in youth-owned establishments by sector and category of skills, 2022</i>	58
A14	Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut kelulusan dan sektor, 2022 <i>Number of persons engaged in youth-owned establishments by qualification and sector, 2022</i>	59
A15	Nilai harta tetap pertubuhan milikan belia mengikut sektor, 2022 <i>Value of fixed assets of youth-owned establishments by sector, 2022</i>	60



SOROTAN UTAMA

Main Highlights

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANCI EKONOMI 2023

STATISTIK UTAMA MILIKAN BELIA



BILANGAN PERTUBUHAN

1,091,867

71,112

6.5%



GAJI & UPAH (RM JUTA)

354,935

12,003

3.4%



NILAI HARTA TETAP (RM JUTA)

2,059,211

32,186

1.6%



NILAI OUTPUT KASAR (RM JUTA)

3,851,806

80,699

2.1%



BILANGAN PEKERJA (ORANG)

10,004,306

374,843

3.7%



NILAI INPUT PERANTARAAN (RM JUTA)

2,349,194

35,855

1.5%



NILAI DITAMBAH (RM JUTA)

1,502,612

44,844

3.0%

Petunjuk:

- Jumlah
- Pertubuhan milikan belia
- Peratus sumbangan

Sumber: Banci Ekonomi 2023,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANCI EKONOMI 2023

STATISTIK UTAMA MILIKAN BELIA

Statistik Utama Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Sektor

Jumlah:

BILANGAN
PERTUBUHAN



71,112

NILAI OUTPUT
KASAR
(RM JUTA)



80,699

NILAI INPUT
PERANTARAAN
(RM JUTA)



35,855

NILAI
DITAMBAH
(RM JUTA)



44,844

BILANGAN
PEKERJA
(ORANG)



374,843

GAJI &
UPAH
(RM JUTA)



12,003

NILAI HARTA
TETAP
(RM JUTA)



32,186



Pertanian



507

0.7%



1,218

1.5%



534

1.5%



684

1.5%



6,699

1.8%



142

1.2%



884

2.7%



Pembuatan



395

0.6%



9,039

11.2%



6,936

19.3%



2,103

4.7%



9,177

2.4%



355

3.0%



967

3.0%



Pembinaan



760

1.1%



1,080

1.3%



666

1.9%



414

0.9%



8,269

2.2%



192

1.6%



164

0.5%



Perkhidmatan



69,450

97.7%



69,362

86.0%



27,719

77.3%



41,643

92.9%



350,698

93.6%



11,314

94.3%



30,171

93.7%



Nota: Tiada pertubuhan milikan belia dalam sektor Perlombongan & pengkuarian

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Petunjuk: 📊 Peratus sumbangan



@StatsMalaysia





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



ECONOMIC CENSUS 2023

PRINCIPAL STATISTICS YOUTH-OWNED



NUMBER OF ESTABLISHMENT

1,091,867

71,112

6.5%



VALUE OF GROSS OUTPUT (RM MILLION)

3,851,806

80,699

2.1%



VALUE OF INTERMEDIATE INPUT (RM MILLION)

2,349,194

35,855

1.5%



SALARIES & WAGES (RM MILLION)

354,935

12,003

3.4%



NUMBER OF PERSON ENGAGED (PERSON)

10,004,306

374,843

3.7%



VALUE ADDED (RM MILLION)

1,502,612

44,844

3.0%



VALUE OF FIXED ASSET (RM MILLION)

2,059,211

32,186

1.6%

Legend:

- Total
- Youth-owned establishments
- Percentage share

Source: Economic Census 2023,
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



ECONOMIC CENSUS 2023

PRINCIPAL STATISTICS YOUTH-OWNED

Principal Statistics Youth-Owned Establishments By Sector

Total:

NUMBER OF
ESTABLISHMENT



71,112

VALUE OF
GROSS
OUTPUT
(RM MILLION)



80,699

VALUE OF
INTERMEDIATE
INPUT
(RM MILLION)



35,855

VALUE
ADDED
(RM MILLION)



44,844

NUMBER OF
PERSON
ENGAGED
(PERSON)



374,843

SALARIES &
WAGES
(RM MILLION)



12,003

VALUE OF
FIXED ASSET
(RM MILLION)



32,186



Agriculture



507

0.7%



1,218

1.5%



534

1.5%



684

1.5%



6,699

1.8%



142

1.2%



884

2.7%



Manufacturing



395

0.6%



9,039

11.2%



6,936

19.3%



2,103

4.7%



9,177

2.4%



355

3.0%



967

3.0%



Construction



760

1.1%



1,080

1.3%



666

1.9%



414

0.9%



8,269

2.2%



192

1.6%



164

0.5%



Services



69,450

97.7%



69,362

86.0%



27,719

77.3%



41,643

92.9%



350,698

93.6%



11,314

94.3%



30,171

93.7%



Note: There is no youth-owned establishments in the Mining & quarrying sector

Source: Economic Census 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Legend: 📊 Percentage share



20 Oktober

2016 - 2030



RINGKASAN PENEMUAN

Summary Findings

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

1. PENGENALAN

Pada tahun 2022, ekonomi global masih dalam proses pemulihan daripada kesan pandemik COVID-19. Namun begitu, usaha pemulihan tersebut berdepan pelbagai cabaran akibat persekitaran global yang semakin mencabar, termasuk peningkatan kadar inflasi, kadar faedah yang lebih tinggi, pengurangan pelaburan serta ketegangan geopolitik berikutan krisis antara Rusia dan Ukraine. Di samping itu, dasar toleransi sifar China dalam menangani COVID-19 turut menyumbang kepada ketidaktentuan ekonomi global. Biarpun berdepan dengan pertumbuhan global yang perlahan, ekonomi Malaysia pada tahun 2022 tetap mencatatkan prestasi yang memberangsangkan iaitu 9.0 peratus, yang mana pemulihan tersebut didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, prestasi eksport yang menggalakkan, dan dasar kerajaan yang menyokong kepada situasi tersebut.

Tahun 2022 juga merupakan tahun yang penting dalam memacu hala tuju pembangunan belia, khususnya selepas negara dan dunia dilanda pandemik yang membawa pelbagai cabaran terhadap golongan ini. Namun, di sebalik segala rintangan, wujud juga peluang untuk golongan belia menyesuaikan diri dan melakar inovasi ke arah norma baharu kehidupan. Evolusi yang berlaku turut memperlihatkan keperluan Kerajaan untuk terus memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan golongan belia kekal relevan dalam arus pembangunan negara. Sokongan berterusan dan pelaksanaan inisiatif strategik amat penting bagi membantu golongan ini menyesuaikan diri dengan realiti pasca-pandemik serta menyumbang secara signifikan kepada kemajuan negara. Pelbagai inisiatif Kerajaan dirangka dalam memastikan pelaksanaan dasar dan program ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang mampan termasuk juga dalam pembangunan golongan belia yang terdiri lebih daripada seperempat daripada populasi penduduk Malaysia. Oleh itu, Kerajaan berusaha agar belia diberi akses pekerjaan sewajarnya dan menyediakan insentif antaranya penggajian di bawah PERKESO kepada majikan yang menggaji belia berumur 18 hingga 30 tahun yang menganggur lebih daripada tiga bulan. Selain itu, insentif ini turut dipanjangkan kepada majikan yang mengambil graduan TVET.

Forum Ekonomi Belia (YEF) 2022, anjuran Persatuan Alumni Felo Perdana, telah berlangsung pada 29 Oktober 2022 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Acara ini menjadi platform penting bagi anak muda Malaysia untuk melibatkan diri dengan pemimpin negara, penggubal dasar dan pakar industri, memupuk perbincangan mengenai trajektori ekonomi Malaysia dan peranan penting belia dalam membentuk masa depannya. Forum Ekonomi Belia (YEF) 2022 berfungsi sebagai platform penting untuk pemimpin muda, penggubal dasar, usahawan dan pembuat perubahan untuk melibatkan diri dalam wacana bermakna mengenai cabaran dan peluang ekonomi dalam dunia pasca pandemik. Dengan tema yang tertumpu pada transformasi digital, pembangunan mampan, pemeraksaan belia, dan daya tahan ekonomi, forum berkenaan memberikan peserta cerapan, rangkaian dan inspirasi untuk memacu perubahan positif dalam komuniti belia pada masa hadapan.

2. PRESTASI KESELURUHAN EKONOMI

Meninjau data Banci Ekonomi 2023, dapatan bilangan pertubuhan milikan belia yang beroperasi pada tahun 2022 ialah 71,112 pertubuhan merangkumi 6.5 peratus daripada jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan iaitu 1,091,867 pertubuhan. Dengan jumlah keseluruhan pertubuhan yang beroperasi, terdapat seramai 374,843 pekerja di pertubuhan milikan belia iaitu bersamaan dengan 3.7 peratus berbanding keseluruhan jumlah pekerja pertubuhan seramai 10,004,306 orang. Jumlah pertubuhan bukan milikan belia adalah sebanyak 1,020,755 pertubuhan dengan bilangan pekerja mencatatkan seramai 9,629,463 orang. Dari segi gaji & upah yang dibayar, jumlah pertubuhan milikan belia adalah sebanyak RM12,003 juta berbanding keseluruhan sebanyak RM354,935 juta. Pertubuhan bukan milikan belia mencecah sebanyak RM342,932 juta bagi pembayaran gaji & upah. Peratus sumbangan bagi pembayaran gaji & upah bagi pertubuhan milikan belia berbanding jumlah gaji & upah keseluruhan pertubuhan yang beroperasi ialah sebanyak 3.4 peratus.

Nilai output kasar yang dijana oleh keseluruhan pertubuhan sektor ekonomi di Malaysia pada tahun 2022 adalah sebanyak RM3,851,806 juta di mana pertubuhan milikan belia mencatatkan RM80,699 juta manakala pertubuhan bukan milikan belia mencapai RM3,771,107 juta. Peratus Nilai output kasar bagi pertubuhan milikan belia adalah 2.1 peratus berbanding keseluruhan nilai output kasar. Dari segi jumlah nilai input perantaraan, jumlah keseluruhan pertubuhan adalah sebanyak RM2,349,194 juta. Daripada keseluruhan nilai input perantaraan, 1.5 peratus adalah nilai input perantaraan pertubuhan milikan belia bersamaan RM35,855 juta manakala pertubuhan bukan milikan belia merekodkan RM2,313,339 juta.

Nilai ditambah bagi keseluruhan pertubuhan sektor ekonomi di Malaysia mencatatkan jumlah sebanyak RM1,502,612 juta dan bagi pertubuhan milikan belia jumlah nilai ditambah adalah sebanyak RM44,844 juta manakala pertubuhan bukan milikan belia adalah sebanyak RM1,457,768 juta. Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun bagi keseluruhan pertubuhan adalah sebanyak RM2,059,211 juta yang terdiri daripada pertubuhan milikan belia dan pertubuhan bukan milikan belia. Jumlah nilai harta tetap yang dimiliki oleh pertubuhan milikan belia adalah sebanyak RM32,186 juta (1.6%) manakala nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun bagi pertubuhan bukan milikan belia ialah sebanyak RM2,027,025 juta (98.4%) [Paparan 1].

Paparan 1: Statistik Utama, 2022



3. PERTUBUHAN MILIKAN BELIA MENGIKUT SEKTOR, 2022

Berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023, didapati sebanyak 71,112 pertubuhan milikan Belia yang menyumbang 6.5 peratus daripada keseluruhan pertubuhan dalam ekonomi. Subsektor Perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi bilangan pertubuhan dengan sumbangan 97.6 peratus (69,450), diikuti Pembinaan (760), Pertanian (507) dan Pembuatan (395).

Dari segi nilai output kasar, sebanyak RM80,699 juta dicatatkan pada 2022, dengan sumbangan sebanyak 2.1 peratus daripada keseluruhan nilai output kasar dalam ekonomi. Penyumbang utama nilai output kasar adalah daripada subsektor Perkhidmatan 86.0 peratus dengan nilai RM 69,362 juta. Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan 11.2 peratus (RM9,039 juta), subsektor Pertanian 1.5 peratus (RM1,218 juta) dan subsektor Pembinaan 1.3 peratus (RM1,080 juta).

Nilai input perantaraan yang direkodkan pada 2022 adalah sebanyak RM35,855 juta, dengan sumbangan sebanyak 1.5 peratus daripada keseluruhan nilai input perantaraan dalam ekonomi. Subsektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada nilai input perantaraan berjumlah RM27,719 juta (77.3%). Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan RM6,936 juta (19.4%), subsektor Pembinaan RM666 juta (1.9%) dan subsektor Pertanian RM534 Juta (1.5%).

Nilai ditambah yang dicatatkan adalah sebanyak RM44,844 juta, dengan sumbangan sebanyak 3.0 peratus daripada keseluruhan nilai ditambah dalam ekonomi. Penyumbang utama nilai ditambah adalah daripada subsektor Perkhidmatan 92.9 peratus dengan nilai RM41,643 juta. Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan 4.7 peratus (RM2,103 juta), subsektor Pertanian 1.5 peratus (RM684 juta) dan subsektor Pembinaan 0.9 peratus (RM414 juta).

Dari perspektif bilangan pekerja seramai 374,843 orang telah direkodkan pada 2022, dengan sumbangan sebanyak 3.7 peratus daripada keseluruhan pekerja dalam ekonomi. Penyumbang utama jumlah pekerja adalah daripada subsektor Perkhidmatan iaitu seramai 350,698 orang (93.6%). Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan 9,177 orang (2.4%), subsektor Pembinaan 8,269 orang (2.2%) dan subsektor Pertanian 6,699 orang (1.8%).

Manakala dari segi Jumlah Gaji & Upah pada 2022 adalah sebanyak RM12,003 juta, dengan sumbangan sebanyak 3.4 peratus daripada keseluruhan gaji dalam ekonomi. Penyumbang utama jumlah Gaji & Upah adalah daripada subsektor Perkhidmatan iaitu sebanyak RM11,314 juta (94.3%). Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan RM355 juta (3.0%), subsektor Pembinaan RM192 juta (1.6%) dan subsektor Pertanian RM142 juta (1.2%).

Nilai harta tetap yang dicatatkan adalah sebanyak RM32,186 juta, dengan sumbangan sebanyak 1.6 peratus daripada keseluruhan nilai harta tetap dalam ekonomi. Penyumbang utama nilai harta tetap adalah daripada subsektor Perkhidmatan 93.7 peratus dengan nilai RM30,171 juta. Ini diikuti oleh subsektor Pembuatan 3.0 peratus (RM967 juta), subsektor Pertanian 2.7 peratus (RM884 juta) dan subsektor Pembinaan 0.5 peratus (RM164 juta) [Paparan 2].

Paparan 2: Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Sektor, 2022

							
	Sumbangan (%)	Jumlah	Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
 Bilangan Pertubuhan		71,112 6.5%	507 0.7%	- -	395 0.6%	760 1.1%	69,450 97.7%
 Nilai Output Kasar (RM juta)		80,699 2.1%	1,218 1.5%	- -	9,039 11.2%	1,080 1.3%	69,362 86.0%
 Nilai Input Perantaraan (RM juta)		35,855 1.5%	534 1.5%	- -	6,936 19.3%	666 1.9%	27,719 77.3%
 Nilai Ditambah (RM juta)		44,844 3.0%	684 1.5%	- -	2,103 4.7%	414 0.9%	41,643 92.9%
 Bilangan Pekerja		374,843 3.7%	6,699 1.8%	- -	9,177 2.4%	8,269 2.2%	350,698 93.6%
 Gaji & Upah (RM juta)		12,003 3.4%	142 1.2%	- -	355 3.0%	192 1.6%	11,314 94.3%
 Nilai Harta Tetap (RM juta)		32,186 1.6%	884 2.7%	- -	967 3.0%	164 0.5%	30,171 93.7%

4. PRESTASI MILIKAN BELIA MENGIKUT SEKTOR UTAMA

4.1 Sektor Pertanian

Sektor Pertanian di Malaysia merangkumi empat subsektor utama, iaitu Tanaman, Ternakan, Perhutanan & pembalakan, serta Perikanan. Pada tahun 2022, sebanyak 507 pertubuhan milikan belia dikenal pasti dalam sektor ini, melibatkan 6,699 orang pekerja. Sektor Pertanian berjaya menjana RM1.22 bilion nilai output kasar dan RM684 juta nilai ditambah, dengan bayaran gaji dan upah berjumlah RM142 juta.

Nilai pelaburan dalam aset tetap pula mencecah RM884 juta. Daripada jumlah output kasar tersebut, subsektor Tanaman menyumbang lebih separuh, sekaligus mencerminkan kedudukan dominannya dalam keseluruhan struktur ekonomi pertanian belia. Dari segi pelaburan juga, subsektor ini mencatatkan nilai aset tetap tertinggi.

Subsektor Tanaman mencatat jumlah pertubuhan tertinggi, iaitu 302 pertubuhan, menyumbang 77.9 peratus daripada nilai ditambah (RM533 juta), dan menggaji seramai 5,048 orang pekerja. Ia turut merekodkan bayaran gaji tertinggi, sebanyak RM104 juta, menunjukkan bahawa subsektor ini merupakan yang paling aktif serta berdaya saing dalam kalangan belia.

Subsektor Ternakan pula merangkumi 106 pertubuhan dengan RM89 juta nilai ditambah, diikuti oleh Perikanan (70 pertubuhan, RM35 juta), dan Perhutanan & pembalakan (29 pertubuhan, RM26 juta). Menariknya, walaupun jumlah pertubuhan bagi subsektor Perhutanan & pembalakan adalah paling rendah, ia mencatat nilai aset tetap tertinggi selepas Tanaman, iaitu sebanyak RM136 juta, menggambarkan tahap intensiti modal yang tinggi dalam subsektor ini [Paparan 3].

Paparan 3: Pertubuhan Milikan Belia dalam Sektor Pertanian, 2022

Sumbangan (%)	Subsektor Pertanian				
	Pertanian	Tanaman	Ternakan	Perhutanan & pembalakan	Perikanan
Bil. pertubuhan	507 100.0	302 59.6	106 20.9	29 5.7	70 13.8
Bil. pekerja	6,699 100.0	5,048 75.4	718 10.4	450 6.7	483 7.2
(RM juta)					
Nilai output kasar	1,218 100.0	791 64.9	224 18.4	80 6.6	123 10.1
Nilai input perantaraan	534 100.0	258 48.3	135 25.3	54 10.1	87 16.3
Nilai ditambah	684 100.0	533 77.9	89 13.0	26 3.8	35 5.1
Gaji & upah	142 100.0	104 73.2	14 9.9	14 9.9	10 7.0
Nilai harta tetap	884 100.0	694 78.5	30 3.5	136 15.4	24 2.7

4.2 Sektor Pembuatan

Pada tahun 2022, sebanyak 395 pertubuhan milikan belia telah beroperasi dalam sektor pembuatan, dengan nilai output kasar berjumlah RM9,039 juta dan nilai ditambah sebanyak RM2,103 juta. Jumlah ini mencerminkan penglibatan aktif golongan belia dalam kegiatan perindustrian negara, sekali gus memperkukuh peranan mereka sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

Subsektor Produk makanan menjadi penyumbang utama, melibatkan dengan 134 pertubuhan yang menjana RM3.98 juta nilai output kasar serta RM848 juta nilai ditambah. Sebagai subsektor yang menggaji tenaga kerja tertinggi (2,154 orang), sektor ini menunjukkan minat dan keyakinan belia terhadap industri makanan sebagai platform utama keusahawanan.

Selain itu, beberapa subsektor lain turut mencatatkan prestasi memberangsangkan walaupun jumlah pertubuhannya kecil. Contohnya, subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik berjaya menjana output kasar sebanyak RM2,291 juta dan nilai ditambah sebanyak RM311 juta dengan hanya 16 pertubuhan. Sementara itu, subsektor elektrik, elektronik dan optikal, dengan 12 pertubuhan, mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM171 juta.

Dari segi guna tenaga, seramai 9,177 orang pekerja telah diambil bekerja oleh pertubuhan milikan belia dalam sektor pembuatan, dengan jumlah gaji dan upah yang dibayar sebanyak RM355 juta. Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun pula berjumlah RM967 juta, mencerminkan komitmen belia terhadap pelaburan jangka panjang dalam sektor ini **[Paparan 4]**.

Paparan 4: Pertubuhan Milikan Belia dalam Sektor Pembuatan, 2022



Sektor Pembuatan

• Bil. pertubuhan 395 pertubuhan	• Nilai output kasar RM 9,039 juta	• Nilai ditambah RM 2,103 juta	• Nilai harta tetap RM 967 juta
• Bil. pekerja 9,177 orang	• Nilai input perantaraan RM 6,936 juta	• Gaji & upah RM 355 juta	
Produk makanan		Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	
(RM juta)		(RM juta)	
• Bil. pertubuhan 134 pertubuhan	• Nilai output kasar 3,983 • Nilai input perantaraan 3,135	• Bil. pertubuhan 16 pertubuhan	• Nilai output kasar 2,291 • Nilai input perantaraan 1,979
• Bil. pekerja 2,154 orang	• Nilai ditambah 848 • Gaji & upah 83 • Nilai harta tetap 545	• Bil. pekerja 1,078 orang	• Nilai ditambah 311 • Gaji & upah 45 • Nilai harta tetap 69
Minuman dan produk tembakau		Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	
(RM juta)		(RM juta)	
• Bil. pertubuhan 4 pertubuhan	• Nilai output kasar 914 • Nilai input perantaraan 576	• Bil. pertubuhan 44 pertubuhan	• Nilai output kasar 329 • Nilai input perantaraan 200
• Bil. pekerja 161 orang	• Nilai ditambah 338 • Gaji & upah 24 • Nilai harta tetap 33	• Bil. pekerja 956 orang	• Nilai ditambah 129 • Gaji & upah 32 • Nilai harta tetap 31
Produk tekstil, pakaian dan kulit		Produk elektrik, elektronik dan optikal	
(RM juta)		(RM juta)	
• Bil. pertubuhan 79 pertubuhan	• Nilai output kasar 47 • Nilai input perantaraan 27	• Bil. pertubuhan 12 pertubuhan	• Nilai output kasar 668 • Nilai input perantaraan 497
• Bil. pekerja 774 orang	• Nilai ditambah 20 • Gaji & upah 13 • Nilai harta tetap 6	• Bil. pekerja 1,982 orang	• Nilai ditambah 171 • Gaji & upah 83 • Nilai harta tetap 155
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan		Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	
(RM juta)		(RM juta)	
• Bil. pertubuhan 58 pertubuhan	• Nilai output kasar 746 • Nilai input perantaraan 487	• Bil. pertubuhan 48 pertubuhan	• Nilai output kasar 61 • Nilai input perantaraan 35
• Bil. pekerja 1,665 orang	• Nilai ditambah 259 • Gaji & upah 63 • Nilai harta tetap 112	• Bil. pekerja 407 orang	• Nilai ditambah 27 • Gaji & upah 12 • Nilai harta tetap 16

4.3 Sektor Pembinaan

Pada tahun 2022, sebanyak 760 pertubuhan milikan belia terlibat dalam sektor pembinaan dengan nilai output kasar mencecah RM1,080 juta. Daripada jumlah ini, nilai input perantaraan adalah sebanyak RM666 juta, menjadikan nilai ditambah sebanyak RM414 juta. Sektor ini turut melibatkan seramai 8,269 orang pekerja, dengan jumlah bayaran gaji dan upah sebanyak RM192 juta. Pada akhir tahun, nilai harta tetap yang dimiliki oleh pertubuhan milikan belia dalam sektor ini ialah RM164 juta.


Subsektor kejuruteraan awam penyumbang terbesar kepada output kasar dengan jumlah RM421 juta, bersamaan dengan 39.0 peratus daripada keseluruhan sektor pembinaan milikan belia. Nilai input perantaraan adalah sebanyak RM299 juta (44.9%) dan nilai ditambah sebanyak RM122 juta (29.5%). Subsektor ini turut melibatkan 2,453 orang pekerja dan mencatat jumlah bayaran gaji dan upah tertinggi iaitu RM69 juta (35.9%). Nilai harta tetap yang dimiliki adalah sebanyak RM77 juta (47.0%), menjadikannya subsektor dengan pelaburan aset tetap terbesar.

Daripada keseluruhan sektor pembinaan milikan belia, subsektor Bangunan kediaman menyumbang sebanyak RM344 juta kepada output kasar (31.9%). Nilai ditambah subsektor ini adalah sebanyak RM150 juta (36.2%), manakala nilai input perantaraan berjumlah RM194 juta (29.1%). Seramai 2,620 orang pekerja terlibat dalam subsektor ini dengan jumlah gaji dan upah yang dibayar sebanyak RM62 juta (32.3%). Harta tetap subsektor ini bernilai RM39 juta (23.8%).

Sementara itu, subsektor pertukangan khas mencatatkan output kasar sebanyak RM202 juta menyumbang 18.7 peratus kepada jumlah keseluruhan sektor ini. Nilai input perantaraan adalah RM108 juta (16.2%), manakala nilai ditambah yang dihasilkan adalah sebanyak RM94 juta (22.7%). Terdapat 2,333 orang pekerja dalam subsektor ini dengan jumlah gaji dan upah sebanyak RM43 juta (22.4%). Nilai harta tetap yang dimiliki oleh subsektor ini adalah sebanyak RM35 juta (21.3%).

Subsektor bangunan bukan kediaman pula terdiri daripada 129 pertubuhan dengan sumbangan output kasar sebanyak RM113 juta atau 10.5 peratus daripada jumlah keseluruhan sektor pembinaan milik belia. Nilai input perantaraan adalah sebanyak RM65 juta (9.8%), manakala nilai ditambah mencecah RM48 juta (11.6%). Terdapat 863 orang pekerja dalam subsektor ini yang menerima gaji dan upah berjumlah RM18 juta (9.4%). Nilai harta tetap yang dicatatkan adalah RM13 juta (7.9%) **[Paparan 5]**.

Paparan 5: Pertubuhan Milikan Belia Dalam Sektor Pembinaan, 2022



4.4 Sektor Perkhidmatan

Pada tahun 2022, pertubuhan milikan belia dalam sektor Perkhidmatan menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan mencatatkan sebanyak 69,450 pertubuhan. Secara keseluruhannya, sektor ini menjana nilai output kasar berjumlah RM69,362 juta dan nilai ditambah sebanyak RM41,643 juta, hasil daripada nilai input perantaraan sebanyak RM27,719 juta. Seramai 350,698 orang telah terlibat dalam pertubuhan milikan belia dalam sektor ini, dengan jumlah gaji dan upah yang dibayar berjumlah RM11,314 juta. Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun pula adalah sebanyak RM30,171 juta.

Tiga subsektor dengan sumbangan tertinggi dalam sektor ini adalah Perdagangan Borong dan Runcit; Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan; dan Perkhidmatan Lain. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit kekal sebagai penyumbang terbesar kepada sektor Perkhidmatan dengan 50,989 pertubuhan (73.4%), mencatatkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM53,890 juta (77.7%), nilai ditambah sebanyak RM33,275 juta (79.9%), dan jumlah pekerja seramai 242,851 orang (69.2%). Di samping itu, jumlah gaji dan upah yang dibayar sebanyak RM7,700 (76.1%) dan nilai harta tetap sebanyak RM13,335 juta (46.9%).

Subsektor kedua terbesar ialah Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan yang merangkumi 7,776 pertubuhan (11.2%) dengan nilai output kasar berjumlah RM6,715 juta (9.7%) dan nilai ditambah sebanyak RM4,114 juta (9.9%). Seramai 34,733 pekerja (9.9%) terlibat dalam subsektor ini, dengan jumlah gaji dan upah berjumlah RM1,257 juta (11.1%). Nilai harta tetap yang dimiliki pula adalah RM8,569 juta (28.4%).

Seterusnya, subsektor ketiga terbesar ialah Perkhidmatan Lain pula yang terdiri daripada 6,225 pertubuhan (9.0%), dengan nilai output kasar sebanyak RM3,295 juta (4.8%) dan nilai ditambah RM1,628 juta (3.9%). Terdapat 31,597 orang pekerja (9.0%) dalam subsektor ini, manakala gaji dan upah yang dibayar berjumlah RM1,207 juta (10.7%). Subsektor ini mencatatkan nilai harta tetap iaitu sebanyak RM1,768 juta (5.9%) [Paparan 6].

Paparan 6: Pertubuhan Milikan Belia Dalam Sektor Perkhidmatan, 2022

							
	BILANGAN PERTUBUHAN	OUTPUT KASAR (RM JUTA)	INPUT PERANTARAAN (RM JUTA)	NILAI DITAMBAH (RM JUTA)	BILANGAN PEKERJA (ORANG)	GAJI & UPAH (RM JUTA)	HARTA TETAP (RM JUTA)
Perkhidmatan	69,450 100.0 	69,362 100.0 	27,719 100.0 	41,643 100.0 	350,698 100.0 	11,314 100.0 	30,171 100.0 
Utiliti	12 0.02 	18 0.03 	13 0.05 	6 0.01 	109 0.03 	3 0.03 	4 0.01 
Perdagangan borong & runcit	50,989 73.4 	53,890 77.7 	20,613 74.4 	33,275 79.9 	242,851 69.2 	7,700 68.0 	13,335 44.2 
Makanan & minuman dan penginapan	2,608 3.8 	2,899 4.2 	1,544 5.6 	1,355 3.3 	31,485 9.0 	699 6.2 	4,980 16.5 
Pengangkutan & penyimpanan	269 0.4 	578 0.8 	278 1.0 	300 0.7 	2,664 0.8 	85 0.8 	598 2.0 
Maklumat & komunikasi	1,451 2.1 	1,963 2.8 	1,001 3.6 	962 2.3 	7,013 2.0 	361 3.2 	906 3.0 
Kewangan & insurans	120 0.2 	4 0.01 	2 0.01 	3 0.01 	246 0.07 	2 0.06 	11 0.04 
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	7,776 11.2 	6,715 9.7 	2,601 9.4 	4,114 9.9 	34,733 9.9 	1,257 11.1 	8,569 28.4 
Perkhidmatan lain	6,225 9.0 	3,295 4.8 	1,667 6.0 	1,628 3.9 	31,597 9.0 	1,207 10.7 	1,768 5.9 

 Sumbangan (%)

5. PRESTASI PERTUBUHAN MILIKAN BELIA PKS

Pada tahun 2022, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) milikan belia di Malaysia menunjukkan sumbangan ekonomi yang signifikan merentasi pelbagai sektor. Jumlah keseluruhan pertubuhan mencapai 69,990 dengan penjana nilai output kasar sebanyak RM54,812 juta. Pertubuhan-pertubuhan ini menyumbang RM32,020 juta kepada ekonomi, menggaji seramai 323,312 individu serta membayar RM9,746 juta dalam bentuk gaji dan upah. Nilai aset tetap yang dimiliki oleh PKS ini berjumlah RM23,577 juta.

Sektor Pertanian terdiri daripada 500 pertubuhan (0.7%), menjana sebanyak RM954 juta bagi nilai output kasar (1.7%) dan RM578 juta dalam nilai ditambah. Sektor ini menggaji 4,873 individu dan membayar RM108 juta dalam bentuk gaji dan upah, dengan nilai aset tetap sebanyak RM814 juta.

Sementara itu, sektor Pembuatan merangkumi 197 pertubuhan (0.3%) yang menghasilkan nilai output kasar bernilai RM2,785 (5.1%) dan RM627 juta dalam nilai ditambah. Sektor ini menggaji 2,312 individu, membayar RM86 juta dalam gaji dan upah, serta memiliki aset tetap bernilai RM111 juta.

Selain itu, sektor Pembinaan merangkumi 751 pertubuhan (1.1%), menghasilkan RM449 juta dalam nilai output kasar (0.8%) dan RM191 juta dalam nilai ditambah. Seramai 4,920 individu bekerja dalam sektor ini dengan jumlah bayaran gaji dan upah sebanyak RM90 juta, dan merekodkan nilai aset tetap sebanyak RM65 juta.

Sektor perkhidmatan mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi dengan 68,542 pertubuhan (97.9%), menyumbang RM50,624 bilion dalam nilai output kasar (92.4%) dan RM30,624 juta dalam nilai ditambah. Sektor ini menggaji 311,207 individu, membayar RM9,462 juta dalam gaji dan upah, dan memiliki aset tetap bernilai RM22,587 juta [Paparan 7].

Paparan 7: Prestasi Pertubuhan Milikan Belia PKS mengikut Sektor, 2022



6. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Merujuk kepada dapatan Banci Ekonomi 2023, sebanyak 71,112 Pertubuhan milikan belia direkodkan beroperasi di Malaysia pada tahun 2022. Keseluruhan pertubuhan ini menjana nilai output kasar sebanyak RM80,699 juta serta menyumbang RM44,844 juta dalam nilai ditambah kepada ekonomi negara. Input perantaraan yang digunakan adalah sebanyak RM35,855 juta, manakala seramai 374,843 orang telah diambil bekerja dalam pertubuhan ini dengan jumlah gaji dan upah dibayar sebanyak RM12,003 juta. Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun pula mencecah kira-kira RM32,186 juta.

Analisis mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatatkan prestasi paling tinggi dengan 19,888 pertubuhan (28.0%) yang menyumbang RM36,530 (45.3%) kepada output kasar dan mencatat nilai ditambah sebanyak RM20,782 juta (46.3%). Input perantaraan yang digunakan adalah sebanyak RM15,747 juta (43.9%). Ia juga menggaji 95,817 orang (25.6%) pekerja serta mencatat bayaran gaji dan upah tertinggi berjumlah RM4,105 juta (34.2%), menjadikan Selangor sebagai pusat utama bagi pertubuhan milikan belia di negara ini. W.P. Kuala Lumpur berada di tempat kedua dengan 9,649 pertubuhan (13.6%) dan output kasar sebanyak RM14,435 juta (17.9%), turut menyumbang besar kepada ekonomi belia negara.

Negeri Johor berada di tempat ketiga dengan 8,970 pertubuhan (12.6%), menghasilkan output kasar sebanyak RM7,351 juta (9.1%). Negeri-negeri lain yang juga mencatat sumbangan signifikan dalam nilai output kasar termasuk Sabah (RM3,976 juta), Pulau Pinang (RM3,710 juta), dan Perak (RM2,641 juta). Sebaliknya, negeri-negeri seperti Perlis, W.P. Labuan, dan W.P. Putrajaya mencatat bilangan pertubuhan dan output kasar yang paling rendah, mencerminkan skala ekonomi dan kepadatan bandar yang lebih kecil.

Dari segi jumlah pekerja, selain Selangor (95,817 orang) dan Kuala Lumpur (62,589 orang), negeri-negeri Johor (40,702 orang), Perak (24,814 orang) dan Pulau Pinang (22,627 orang) juga mencatat jumlah pekerja yang melebihi 20,000 orang. Manakala negeri-negeri seperti W.P. Labuan dan W. P. Putrajaya merekodkan jumlah pekerja yang paling rendah.

Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa keusahawanan belia lebih aktif di negeri-negeri yang lebih maju dan bandar, dengan Selangor dan Kuala Lumpur muncul sebagai hab utama dalam aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan, dan pelaburan dalam kalangan usahawan belia **[Paparan 8]**.

Paparan 8: Prestasi Mengikut Negeri

Negeri	 Bilangan Pertubuhan	 Output Kasar (RM juta)	 Input Perantaraan (RM juta)	 Nilai Ditambah (RM juta)	 Bilangan Pekerja	 Gaji & Upah (RM juta)	 Harta Tetap (RM juta)
 Malaysia	71,112  100	80,699  100	35,855  100	44,844  100	374,843  100	12,003  100	32,186  100
 Johor	8,970  12.6	7,351  9.1	4,147  11.6	3,205  7.1	40,702  10.9	1,146  9.5	4,333  13.5
 Kedah	3,707  5.2	1,348  1.7	559  1.6	789  1.8	17,109  4.6	396  3.3	1,163  3.6
 Kelantan	3,251  4.6	1,449  1.9	591  1.6	858  1.9	14,669  3.9	216  1.8	633  2.0
 Melaka	2,429  3.4	2,014  2.5	989  2.8	1,025  2.3	15,194  4.1	417  3.5	957  3.0
 Negeri Sembilan	2,823  4.0	1,366  1.7	541  1.5	825  1.8	12,163  3.2	341  2.8	700  2.2
 Pahang	3,027  4.3	1,954  2.4	724  2.0	1,230  2.7	17,324  4.6	398  3.3	1,942  6.0
 Pulau Pinang	5,014  7.1	3,710  4.6	1,524  4.3	2,187  4.9	22,627  6.0	679  5.7	2,106  6.5
 Perak	4,631  6.5	2,641  3.3	1,240  3.5	1,401  3.1	24,814  6.6	619  5.2	1,533  4.8
 Perlis	500  0.7	188  0.2	73  0.2	115  0.3	2,193  0.6	38  0.3	90  0.3
 Selangor	19,888  28.0	36,530  45.3	15,747  43.9	20,782  46.3	95,817  25.6	4,105  34.2	7,208  22.4
 Terengganu	2,506  3.5	1,176  1.5	454  1.3	722  1.6	11,260  3.0	237  2.0	464  1.4
 Sabah	2,578  3.6	3,976  4.9	1,722  4.8	2,255  5.0	22,131  5.9	614  5.1	1,498  4.7
 Sarawak	1,856  2.6	2,240  2.8	1,102  3.1	1,138  2.5	14,337  3.8	421  3.5	859  2.7
 W.P. Kuala Lumpur	9,649  13.6	14,435  17.9	6,328  17.6	8,107  18.1	62,569  16.7	2,327  19.4	8,443  26.2
 W.P. Labuan	187  0.3	161  0.2	63  0.2	98  0.2	1,132  0.3	29  0.2	212  0.7
 W.P. Putrajaya	96  0.1	160  0.2	53  0.1	107  0.2	802  0.2	20  0.2	45  0.1

 Sumbangan (%)


7. PRESTASI BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH

Pertubuhan milikan belia bagi pekerja bergaji sepenuh masa berjumlah 294,863 orang (78.7%), manakala pekerja bergaji sambilan 17,224 orang (4.6%). Baki 16.7 peratus adalah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji iaitu berjumlah 62,756 orang.

Bagi kategori pekerja bergaji sepenuh masa, Pekerja perkhidmatan dan jualan merupakan segmen tenaga kerja terbesar dengan sumbangan 27.1 peratus, berjumlah 79,975 orang. Ini diikuti oleh kategori Pekerja asas dengan sumbangan 25.4 peratus atau 74,804 orang. Kebanyakan bidang pekerjaan didominasi oleh lelaki, kecuali bidang Pekerja sokongan perkeranian yang mencatatkan pekerja wanita seramai 21,647 orang berbanding 18,153 orang pekerja lelaki.

Selain itu, jumlah gaji & upah tertinggi dibayar kepada Pengurus, profesional dan penyelidik bernilai RM4,781 juta bersamaan dengan 40.6 peratus. Tambahan pula, sejumlah RM2,318 juta atau 19.7 peratus dibayar kepada Pekerja perkhidmatan dan jualan. Manakala 12.1 peratus atau RM1,424 juta gaji & upah diterima oleh Pekerja sokongan perkeranian, dengan nilai gaji tertinggi diterima oleh wanita, RM1,025 juta dan selebihnya RM399 juta diterima oleh lelaki [Paparan 9].


**Paparan 9: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Milikan Belia
mengikut Kategori Pekerja, 2022**



8. PRESTASI MENGIKUT KATEGORI PEKERJA DAN KEWARGANEGARAAN

Pada tahun 2022, data banci ekonomi menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan pekerja dalam pertubuhan milikan belia di Malaysia adalah seramai 374,843 orang. Daripada jumlah ini, 360,623 orang (96.2%) merupakan warganegara, manakala 14,220 orang (3.8%) adalah bukan warganegara. Dari segi jantina, pekerja lelaki mendominasi dengan jumlah keseluruhan 220,937 orang (58.9%) , berbanding 153,906 pekerja perempuan (41.1%) . Pecahan lanjut menunjukkan warganegara lelaki seramai 211,246 orang (56.4%), manakala pekerja warganegara perempuan berjumlah 149,377 orang (39.8%). Sementara itu, pekerja bukan warganegara terdiri daripada 9,691 lelaki (2.6%) dan 4,529 perempuan (1.2%) **[Paparan 10]**.


Paparan 10: Bilangan Pekerja Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Kewarganegaraan



Dari sudut kategori pekerjaan, Pekerja Perkhidmatan dan Jualan merupakan kumpulan terbesar, iaitu seramai 79,975 orang (21.3%), yang terdiri daripada 77,110 (96.4%) warganegara dan 2,865 bukan warganegara (3.6%). Kategori kedua tertinggi ialah Pekerja Asas dengan 74,804 orang (19.9%), termasuk 70,969 warganegara (94.9%) dan 3,835 bukan warganegara (5.1%) diikuti oleh Pekerja Sokongan Perkeranian seramai 39,800 orang (10.6%) yang dirangkumi oleh 38,834 orang warganegara atau 97.6% dan 966 orang bukan warganegara atau 2.4%. Bagi kategori-kategori berkemahiran tinggi seperti Pengurus, Profesional dan Penyelidik adalah seramai 49,411 orang atau 13.2% dan Juruteknik Profesional Bersekutu seramai 15,641 orang atau 4.2%, majoriti hampir keseluruhannya adalah warganegara. Perkara ini menunjukkan bahawa warganegara belia masih menguasai peranan pengurusan dan profesional, manakala bukan warganegara tertumpu dalam pekerjaan operasi dan asas.

Secara keseluruhan, data ini memperlihatkan dominasi belia warganegara, khususnya lelaki, dalam pelbagai kategori pekerjaan, manakala bukan warganegara memainkan peranan lebih kecil dan tertumpu kepada kerja-kerja asas dan teknikal. Wanita bukan warganegara pula terlibat dalam jumlah yang sangat kecil, menunjukkan ruang yang terhad untuk mereka dalam pasaran kerja pertubuhan milikan belia **[Paparan 11]**.

Paparan 11: Bilangan Pekerja Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Kategori Pekerjaan dan Kewarganegaraan, 2022



9. PRESTASI MENGIKUT SEKTOR DAN KEMAHIRAN


Bangunan bukan kediaman Non - residential buildings	129	113	65	48	863	18	13
Kejuruteraan awam Civil engineering	210	421	299	122	2,453	69	77
Pertukangan khas Special trades	245	202	108	94	2,333	43	35

Jadual A7 : Statistik utama pertubuhan milikan belia dalam sektor perkhidmatan, 2022
Table A7 : Principal statistics of youth-owned establishments in services sector, 2022

Subsektor Sub-sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output (RM juta) (RM million)	Nilai input perantara Value of intermediate input (RM juta) (RM million)	Nilai ditambah Value added (RM juta) (RM million)	Jumlah pekerja pada bulan Disember atau pada tempoh gaji akhir Total number of persons engaged during December or the last pay period (Orang) (Person)	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM juta) (RM million)	Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun Value of fixed assets owned as at the end of the year (RM juta) (RM million)
Perkhidmatan Services	69,450	69,362	27,719	41,643	350,698	11,314	30,171
Utiliti Utilities	12	18	13	6	109	3	4
Perdagangan borong & runcit Wholesale & retail trade	50,989	53,890	20,613	33,275	242,851	7,700	13,335
Makanan & minuman dan penginapan Food & beverages and Accommodation	2,608	2,899	1,544	1,355	31,485	699	4,980
Pengangkutan & penyimpanan Transportation and storage	269	578	278	300	2,664	85	598
Maklumat & komunikasi Information and communication	1,451	1,963	1,001	962	7,013	361	906
Kewangan & insurans Finance & insurance	120	4	2	3	246	2	11
Hartanah & perkhidmatan perniagaan Real estate & business services	7,776	6,715	2,601	4,114	34,733	1,257	8,569
Perkhidmatan lain Other services	6,225	3,295	1,667	1,628	31,597	1,207	1,768

Jadual A8 : Statistik utama pertubuhan milikan belia PKS mengikut sektor, 2022
Table A8: Principal statistics of youth-owned establishments SMEs by sector, 2022

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantaraan Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Jumlah pekerja pada bulan Disember atau pada tempoh gaji akhir Total number of persons engaged during December or the last pay period	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid	Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun Value of fixed assets owned as at the end of the year
		(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(Orang) (Person)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)
Jumlah Total	69,990	54,812	22,794	32,020	323,312	9,746	23,577
Pertanian Agriculture	500	954	376	578	4,873	108	814
Perlombongan & pengkuarian Mining & quarrying	-	-	-	-	-	-	-
Pembuatan Manufacturing	197	2,785	2,158	627	2,312	86	111
Pembinaan Construction	751	449	258	191	4,920	90	65
Perkhidmatan Services	68,542	50,624	20,002	30,624	311,207	9,462	22,587

Jadual A9 : Statistik utama pertubuhan milikan belia mengikut negeri, 2022
Table A9 : Principal statistics of youth-owned establishments by state, 2022

Negeri State	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantaraan Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Jumlah pekerja pada bulan Disember atau pada tempoh gaji akhir Total number of persons engaged during December or the last pay period	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid	Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun Value of fixed assets owned as at the end of the year
		(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(Orang) (Person)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)
Jumlah Total	71,112	80,699	35,855	44,844	374,843	12,003	32,186
Johor	8,970	7,351	4,147	3,205	40,702	1,146	4,333
Kedah	3,707	1,348	559	789	17,109	396	1,163
Kelantan	3,251	1,449	591	858	14,669	216	633
Melaka	2,429	2,014	989	1,025	15,194	417	957
Negeri Sembilan	2,823	1,366	541	825	12,163	341	700
Pahang	3,027	1,954	724	1,230	17,324	398	1,942
Pulau Pinang	5,014	3,710	1,524	2,187	22,627	679	2,106
Perak	4,631	2,641	1,240	1,401	24,814	619	1,533
Perlis	500	188	73	115	2,193	38	90
Selangor	19,888	36,530	15,747	20,782	95,817	4,105	7,208
Terengganu	2,506	1,176	454	722	11,260	237	464
Sabah	2,578	3,976	1,722	2,255	22,131	614	1,498
Sarawak	1,856	2,240	1,102	1,138	14,337	421	859
W. P. Kuala Lumpur	9,649	14,435	6,328	8,107	62,569	2,327	8,443
W. P. Labuan	187	161	63	98	1,132	29	212
W. P. Putrajaya	96	160	53	107	802	20	45

Jadual A10 : Bilangan pekerja dan gaji & upah pertubuhan milikan belia mengikut kategori pekerja dan jantina, 2022
Table A10: Number of persons engaged and salaries & wages in youth-owned establishments by category of workers and sex, 2022

Kategori pekerja Category of workers	Bilangan pekerja Number of persons engaged (Orang/ Person)			Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM Juta Million)		
	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female
Jumlah Total	374,843	220,937	153,906	12,003	7,162	4,841
Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji Working proprietors and unpaid family workers	62,756	36,818	25,938	-	-	-
Pekerja bergaji (sepenuh masa) Paid employees (full-time)	294,863	173,956	120,907	11,778	7,047	4,732
Pengurus, Profesional dan Penyelidik Managers, Professionals and Researchers	49,411	29,452	19,959	4,781	3,002	1,779
Juruteknik dan Profesional Bersekutu Technicians and Associate Professionals	15,641	10,635	5,006	871	683	188
Pekerja Sokongan Perkeranian Clerical Support Workers	39,800	18,153	21,647	1,424	399	1,025
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan Service and Sales Workers	79,975	46,345	33,630	2,318	1,244	1,074
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan Agricultural, Forestry, Livestock and Fisheries Skill Workers	3,674	3,168	506	77	67	9
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan Craft and Related Trades Workers	18,100	12,957	5,143	485	421	64
Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang Plant and Machine Operators and Assemblers	13,458	8,548	4,910	376	291	85
Pekerja Asas Elementary Occupations	74,804	44,698	30,106	1,445	938	507
Pekerja bergaji (sambilan) Paid employees (part-time)	17,224	10,163	7,061	225	115	109

Jadual A11 : Bilangan pekerja dan gaji & upah pertubuhan milikan belia menaikut sektor, 2022
Table A11: Number of persons engaged and salaries & wages in youth-owned establishments by sector, 2022

Sektor Sector	Jumlah pekerja pada bulan Disember atau pada tempoh gaji akhir Total number of persons engaged during December or the last pay period				Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid	
	Jumlah Total	Pemilik yang bekerja & pekerja keluarga tanpa gaji Working proprietors & unpaid family workers	Pekerja sepenuh masa Full-time employees	Pekerja sambilan Part-time employees		
			(Orang) (Person)		(RM juta) (RM million)	
Jumlah Total	374,843	62,756	294,863	17,224	12,003	
Pertanian Agriculture	6,699	397	5,847	455	142	
Pertombongan & pendkuarian Mining & quarrying	-	-	-	-	-	
Pembuatan Manufacturing	9,177	472	8,582	123	355	
Pembinaan Construction	8,269	677	7,372	220	192	
Perkhidmatan Services	350,698	61,210	273,062	16,426	11,314	

Jadual A12 : Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut kategori pekerja dan kewarganegaraan, 2022
Table A12 : Number of persons engaged in youth-owned establishments by category of workers and citizenship, 2022

Kategori pekerja Category of workers	Bilangan pekerja pada bulan Disember Number of persons engaged during December or the last pay period				
	Warganegara Citizen		Bukan Warganegara Non-citizen		
	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female	Lelaki Male	Perempuan Female
		(Orang) (Person)			
Jumlah Total	374,843	211,246	149,377	9,691	4,529
Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji Working proprietors and unpaid family workers	62,756	36,770	25,910	48	28
Pekerja bergaji (sepenuh masa) Paid employees (full-time)	294,863	164,736	116,507	9,220	4,400
Pengurus, Profesional dan Penyelidik Managers, Professionals and Researchers	49,411	28,816	19,547	636	412
Juruteknik dan Profesional Bersekutu Technicians and Associate Professionals	15,641	10,408	4,877	227	129
Pekerja Sokongan Perkeranian Clerical Support Workers	39,800	17,620	21,214	533	433
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan Service and Sales Workers	79,975	44,657	32,453	1,688	1,177
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan Agricultural, Forestry, Livestock and Fisheries Skill Workers	3,674	1,463	152	1,705	354
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan Craft and Related Trades Workers	18,100	12,049	4,965	908	178
Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang Plant and Machine Operators and Assemblers	13,458	7,564	4,489	984	421
Pekerja Asas Elementary Occupations	74,804	42,159	28,810	2,539	1,296
Pekerja bergaji (sambilan) Paid employees (part-time)	17,224	9,740	6,960	423	101

Jadual A13 : Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut sektor dan kategori kemahiran, 2022
Table A13 : Number of persons engaged in youth-owned establishments by sector and category of skills, 2022

Sektor Sector	Jumlah Total*		Mahir/ Skilled**		Separuh mahir/ Semi-Skilled***		Berkemahiran Rendah/ Low-Skilled****	
	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM juta) (RM million)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM juta) (RM million)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM juta) (RM million)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah yang dibayar Salaries & wages paid (RM juta) (RM million)
Jumlah Total	294,863	11,778	65,052	5,652	155,007	4,681	74,804	1,444
Pertanian Agriculture	5,847	136	489	25	4,466	97	892	14
Perombongan & pengkuarian Mining & quarrying	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembuatan Manufacturing	8,582	354	1,331	150	6,173	181	1,078	23
Pembinaan Construction	7,372	190	1,073	64	5,254	111	1,045	15
Perkhidmatan Services	273,062	11,098	62,159	5,413	139,114	4,292	71,789	1,392

* Merujuk kepada Pekerja bergaji (sepenuh masa)/ refers to paid employees (full time)

** Termasuk pengurusan & profesional dan juruteknik & profesional bersekutu/ Includes managers & professionals and technicians & associate professionals

*** Termasuk pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji pemasangan/ Includes clerical support workers, service & sales workers, craft & related trades workers and plant & machine operators & assemblers

**** Termasuk pekerja asas/ Includes elementary workers

Jadual A14 : Bilangan pekerja pertubuhan milikan belia mengikut kelulusan dan sektor, 2022
Table A14 : Number of persons engaged in youth-owned establishments by qualification and sector, 2022

Kelulusan Qualification	Jumlah Total	Pertanian Agriculture	Perlombongan & pengkuarian Mining & quarrying	Pembuatan Manufacturing	Pembinaan Construction	Perkhidmatan Services
Jumlah Total	374,843	6,699	-	9,177	8,269	350,698
Pascasiswazah Postgraduate	4,650	10	-	6	27	4,607
Ijazah sarjana muda/Diploma lanjutan atau setaraf Bachelor/Advances diploma or equivalent	43,130	251	-	582	701	41,596
Diploma Diploma	58,973	358	-	1,043	1,359	56,213
STPM atau yang setaraf STPM or equivalent	25,098	129	-	268	173	24,528
Sijil Certificate	20,841	268	-	789	912	18,872
SPM/SPM(V) atau yang setaraf SPM/SPM(V) or equivalent	179,393	5,146	-	4,655	3,335	166,257
Di bawah taraf kelulusan SPM/SPM(V) Below SPM/SPM(V) qualification	42,758	537	-	1,834	1,762	38,625

Jadual A15 : Nilai harta tetap pertubuhan milikan belia mengikut sektor, 2022
Table A15: Value of fixed assets of youth-owned establishments by sector, 2022

Sektor Sector	Perbelanjaan modal Capital expenditure	Pelupusan Disposal	Susut nilai semasa Medan Current depreciation	Nilai harta tetap yang dimiliki pada akhir tahun Value fixed assets owned as at the end of year
	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)	(RM juta) (RM million)
Jumlah Total	7,239	89	9,998	32,186
Pertanian Agriculture	62	33	57	884
Perlombongan & pengkuarian Mining & quarrying	-	-	-	-
Pembuatan Manufacturing	57	10	62	967
Pembinaan Construction	4	-	27	164
Perkhidmatan Services	7,116	46	9,852	30,171



NOTA TEKNIKAL

Technical Notes

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

NOTA TEKNIKAL

1. SKOP DAN LIPUTAN

Penerbitan ini menggunakan data dari Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022). Banci ini mengumpul maklumat daripada pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), Rev. 4, United Nations. Liputan bagi keseluruhan sektor merangkumi 1,174 kategori industri seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan industri mengikut sektor

SEKTOR	BILANGAN INDUSTRI
PERTANIAN*	142
PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN	56
PEMBUATAN	259
PEMBINAAN	72
PERKHIDMATAN	645

Nota: (*) Usahawan dalam sektor Pertanian yang hanya berdaftar dengan agensi -agensi kerajaan yang berkaitan bagi maksud menerima bantuan TIDAK diliputi kecuali pengusaha kelapa sawit.

2. KUASA PERUNDANGAN

Banci Ekonomi 2023 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Di bawah Seksyen 5 Akta ini, mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia dikehendaki memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.

NOTA TEKNIKAL

3. SUMBER RANGKA STATISTIK

Sumber utama rangka statistik pertubuhan adalah daripada Malaysia Statistical Business Register (MSBR). MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROB) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan profesional. Senarai di MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM.

Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), PBT dan badan profesional. Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

4. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang diselaraskan dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4, United Nations dan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan.

5. KONSEP DAN DEFINISI

Klasifikasi industri dikategorikan kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Definisi sektor adalah seperti berikut:

NOTA TEKNIKAL

5.1. PERTANIAN

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

5.1.1 Tanaman merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.

5.1.2 Ternakan merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

5.1.3 Perhutanan & pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, raja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak; dan

5.1.4 Perikanan termasuk perikanan tangkapan dan akuakultur meliputi penggunaan sumber perikanan daripada laut, air payau atau air tawar dengan tujuan menangkap dan mengumpul ikan, krustasia, moluska dan organisma & produk laut lain. Akuakultur ialah proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semula jadi.

5.2. PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain. Walau bagaimanapun, subsektor perlombongan mineral & pengkuarian tidak diliputi dalam penerbitan ini.

NOTA TEKNIKAL

5.3. PEMBUATAN

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera pacuan kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dilaksanakan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Pengelasan lapan (8) subsektor mengikut bahagian adalah seperti berikut:

Produk makanan

10 Pembuatan produk makanan

Minuman dan produk tembakau

11 Pembuatan minuman

12 Pembuatan produk tembakau

Produk tekstil, pakaian dan kulit

13 Pembuatan tekstil

14 Pembuatan pakaian

15 Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan

Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan

16 Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman perabot;

17 Pembuatan kertas dan produk kertas

18 Percetakan dan penerbitan semula media rakaman

31 Pembuatan perabot

Produk petroleum, kimia, getah dan plastik

19 Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis

20 Pembuatan kimia dan produk kimia

21 Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani

22 Pembuatan produk getah dan plastik

Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka

23 Pembuatan produk galian bukan logam lain

24 Pembuatan logam asas

25 Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan

Produk elektrik, elektronik dan optikal

26 Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal

27 Pembuatan kelengkapan elektrik

28 Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.

Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan

29 Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler

30 Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain

32 Pembuatan lain

33 Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan.

5.4 Pembinaan

Ditakrifkan sebagai pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

5.5. Perkhidmatan

Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara; Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan Borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Maklumat & komunikasi; Penginapan; Makanan & minuman; Kewangan; Hartanah; Profesional, saintifik & teknikal; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti.

5.5.1. Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara.

5.5.2. Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini.

5.5.3 Perdagangan borong & runcit merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit, dan pembaikan kenderaan bermotor & motosikal.

NOTA TEKNIKAL

5.5.4. Pengangkutan & penyimpanan meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan & aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/ pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan.

5.5.5. Maklumat & komunikasi terdiri daripada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat.

5.5.6. Perkhidmatan penginapan merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam Hartanah.

5.5.7. Perkhidmatan makanan & minuman termasuk perkhidmatan makanan & minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara dengan atau tiada kemudahan tempat duduk.

5.5.8. Perkhidmatan kewangan adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/ takaful, insurans takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen.

5.5.9. Perkhidmatan hartanah termasuk tindakan seperti pemberi pajak, agen dan atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut.

NOTA TEKNIKAL

5.5.10. Perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik dan teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan pasaran, profesional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan veterinar.

5.5.11. Perkhidmatan pentadbiran & khidmat sokongan termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti perkhidmatan bangunan & lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat & perniagaan lain.

5.5.12. Perkhidmatan pendidikan swasta merujuk kepada pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan pra sekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain.

5.5.13. Perkhidmatan kesihatan swasta & kerja sosial meliputi aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan dan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan, dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan.

5.5.14. Perkhidmatan kesenian, hiburan & rekreasi termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan

5.5.15. Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti termasuk aktiviti keahlian organisasi, aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan & profesional, aktiviti kesatuan buruh, aktiviti keahlian organisasi lain, pembaikan komputer & barangan persendirian dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti perkhidmatan lain.

NOTA TEKNIKAL

6. TAHUN BANGCI

Tahun banci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan bancian dijalankan.

7. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi penerbitan ini adalah tahun takwim 2022. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan.

8. KAEDAH PENGUMPULAN

Bancian ini secara umumnya dijalankan dengan menggunakan tiga (3) kaedah pengumpulan data seperti berikut:

8.1. Kaedah atas talian melalui portal e-BE

Kaedah ini menyasarkan responden yang telah menggunakan kaedah ini bagi survei rutin terdahulu.

8.2. Kaedah kutipan data melalui e-mel, pos, faks dan telefon

Kaedah ini menyasarkan responden yang pernah terlibat dengan survei rutin terdahulu. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada DOSM.

8.3. Kaedah kutipan data secara bersemuka

Kerja luar operasi di lapangan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan yang belum memberi jawapan dari kedua-dua kaedah di atas dan kaedah ini menyasarkan pertubuhan yang tidak pernah terlibat dengan survei rutin DOSM.

9. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Banci Ekonomi 2023 adalah pertubuhan. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat/ lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

NOTA TEKNIKAL

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau "enterprise" ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

10. STRUKTUR HAK MILIK

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/ pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah "Hak Milik Bersama".

Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

Bukan Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik Residen Malaysia di luar negeri juga dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

11. PERTUBUHAN MILIKAN BELIA

Had umur pemilik tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih 30 tahun pada tahun rujukan banci. Merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti dipegang oleh belia ATAU Pemegang saham terbesar adalah belia dan diuruskan oleh belia ATAU Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah urusan adalah belia yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

NOTA TEKNIKAL

12. DEFINISI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Definisi PMKS yang digunakan adalah berdasarkan definisi baru yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2014 seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Definisi PMKS

SEKTOR	SAIZ PMKS	HASIL TAHUNAN	BILANGAN PEKERJA SEPENUH MASA
PEMBUATAN	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 75 pekerja
	Sederhana	Antara RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta	Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
PERTANIAN, PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN, PEMBINAAN DAN PERKHIDMATAN	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 30 pekerja
	Sederhana	Antara RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta	Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Sumber: Garis Panduan bagi Definisi Baharu PMKS, SME Corp. Malaysia, Oktober 2013

NOTA TEKNIKAL

13. NILAI OUTPUT KASAR

13.1. Nilai output kasar Pertanian (tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan) dikirakan daripada item-item berikut:

Jualan daripada hasil pertanian

- + Stok hasil pertanian (akhir)
- + Barangan dalam proses dan stok barangan siap (pembuatan sendiri) (akhir)
- + Jualan daripada hasil pertanian
- + Pendapatan daripada kerja pertanian yang dibuat untuk pihak lain
- + Pendapatan daripada hasil pertanian yang diproses
- + Nilai jualan daripada barangan/ bahan/ produk berkaitan pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses selanjutnya
- + Pendapatan lain yang berkaitan dengan pertanian
- + Pendapatan daripada aktiviti pertanian lain
- + Kawasan perhutanan dikontrakkan kepada kontraktor (Perhutanan & Pembalakan sahaja)
- + Royalti, hakcipta, pelesenan dan yuran francais
- + Pendapatan daripada agro pelancongan (Tanaman/ Ternakan/ Perikanan)
- + Nilai jualan barangan/ bahan bukan pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya
- + Semua pendapatan lain: Output
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalam)
- Pendapatan daripada sewa: Tanah
- Stok hasil pertanian (awal)
- Barangan dalam proses dan stok barangan siap (pembuatan sendiri) (awal)
- Kos barangan/ bahan/ produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya
- Kos barangan/ bahan yang dijual (barangan/ bahan bukan pertanian) yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya

NOTA TEKNIKAL

13.2. Nilai output kasar **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Nilai jualan mineral/ produk kuari/ produk pembuatan dan nilai kerja pembinaan

- + Nilai barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti dibeli
- Kos barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti yang dibeli
- + Perbelanjaan modal ke atas binaan sendiri
- + Pendapatan daripada perkhidmatan perindustrian yang diberikan kepada orang lain
- + Pendapatan daripada kerja perindustrian lain
- + Penerimaan bayaran daripada skrap, tenaga elektrik, produk sisa, dll. yang dijual kepada orang lain
- + Penerimaan komisen dan brokeraj
- + Semua nilai output lain (seperti penerimaan perkhidmatan bukan perindustrian, misalnya bayaran pengurusan, sewa harta, dll.)
- + Stok akhir barangan siap
- Stok awal barangan siap
- + Stok akhir barangan sedang diproses
- Stok awal barangan sedang diproses
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalam)

13.3. Nilai output kasar **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain
- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- + Stok akhir
- Stok awal
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalam)

NOTA TEKNIKAL

14. NILAI INPUT PERANTARAAN

14.1. Nilai input perantaraan **Pertanian** (tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan) ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Kos bahan langsung yang digunakan dalam aktiviti pertanian

- + Jumlah bayaran ke atas kerja-kerja pertanian yang dibuat oleh pihak lain
- + Kos biji/ benih tanaman jangka pendek/ anak ternakan bukan baka
- + Perbelanjaan untuk aktiviti pertanian lain
- + Bahan dan bekas pembungkus yang digunakan
- + Bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan
- + Alat tulis dan bekalan pejabat yang digunakan
- + Air yang dibeli
- + Tenaga elektrik yang dibeli
- + Bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Bayaran pembaikan dan penyelenggaraan semasa yang dibuat oleh pihak lain bagi harta tetap pertubuhan ini
- + Pengangkutan barangan (pengangkutan keluar)
- + Perbelanjaan perjalanan
- + Bayaran perakaunan, kesetiausahaan dan audit
- + Perbelanjaan pengiklanan dan promosi
- + Bayaran guaman
- + Bayaran perkhidmatan profesional lain
- + Bayaran pengurusan
- + Komisen dan bayaran agensi
- + Bayaran telekomunikasi
- + Bayaran pos (termasuk perkhidmatan kurier)
- + Caj bank
- + Premium insurans dibayar ke atas bangunan, jentera, alat pengangkutan dan barangan
- + Bayaran bagi perkhidmatan keselamatan
- + Bayaran pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat
- + Bayaran sewa (tidak termasuk bagi sewa untuk penggunaan tanah)
- + Perbelanjaan ke atas agro pelancongan
- + Bayaran royalti: Organisasi bukan kerajaan/ tajaan korporat
- + Cukai Barang dan Perkhidmatan pada pembelian bersih yang tidak boleh dituntut sebagai cukai input

NOTA TEKNIKAL

- + Bayaran kepada pengarah tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah
- + Perbelanjaan lain: Input
- + Nilai pakaian percuma yang disediakan
- + Kos latihan kepada pekerja

14.2. Nilai input perantaraan **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Nilai bahan dan bekalan yang digunakan

- + Kos kerja perindustrian (memproses) yang dibuat oleh orang lain
- + Tenaga elektrik dan air yang dibeli
- + Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Kos bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan harta tetap (termasuk pembayaran kepada pihak lain ke atas kerja ini)
- + Pembayaran terhadap perkhidmatan bukan perindustrian (termasuk bayaran bagi pengangkutan keluar barangan, perjalanan, pengurusan, bayaran perundangan, teknologi maklumat, pengiklanan, bank, pos, telekomunikasi, dll.)
- + Semua kos input lain (termasuk kos latihan dan nilai pakaian percuma yang disediakan kepada pekerja)

14.3. Nilai input perantaraan **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan

- + Premium insurans
- + Royalti dan bayaran paten
- + Caj bank
- + Pembelian elektrik dan air
- + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

NOTA TEKNIKAL

15. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

16. PEKERJA

Bilangan pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja untuk pertubuhan yang dibanci pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

16.1. Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji

16.1.1. Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam sesebuah pertubuhan itu. Justeru, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

16.1.2. Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah kepada pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap, sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik tersebut dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak dalam pertubuhan itu.

16.2. Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Merujuk kepada semua pekerja bergaji (sepenuh masa) yang bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari dan/ atau 20 hari sebulan. Pekerja bergaji (sepenuh masa) telah dikategorikan berdasarkan Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 seperti berikut:

NOTA TEKNIKAL

16.2.1. Pengurus, profesional dan penyelidik meliputi:

16.2.1.1. Pengurus

Merujuk kepada mereka yang menggubal, menganalisa, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, dan membuat, memansuhkan undang-undang, kaedah dan peraturan awam, dan mewakili serta bertindak bagi pihak kerajaan, dan memantau pentafsiran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas, atau mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaraskan dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamannya; dan

16.2.1.2. Profesional

Merujuk kepada mereka yang bertanggung jawab untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas.

16.2.2. Juruteknik dan profesional bersekutu

Merujuk kepada mereka yang melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan.

16.2.3. Perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, kemahiran khas, operator mesin & loji dan pekerjaan yang berkaitan:

16.2.3.1. Pekerja sokongan perkeranian

Merujuk kepada mereka yang merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu;

16.2.3.2. Pekerja perkhidmatan dan jualan

Merujuk kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar;

NOTA TEKNIKAL

16.2.3.3. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan

Merujuk kepada mereka yang menanam dan menuai tanaman ladang atau pokok dan pokok renek dan mengumpulkan buah-buahan, herba dan tanaman liar; menternak, menjaga atau memburu haiwan dan mengeluarkan pelbagai produk ternakan; menanam, memulihara dan mendapatkan hasil hutan; membiak baka atau menangkap ikan; dan memelihara atau mengumpulkan pelbagai hidupan akuatik lain;

16.2.3.4. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan

Merujuk kepada mereka yang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempaan logam, dan mendirikan stuktur logam; membuat, melaraskan, menyelenggara dan membaik pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan; dan

16.2.3.5. Operator mesin & loji, dan pemasang

Merujuk kepada mereka yang mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

16.2.4. Pekerja asas

Merujuk kepada mereka yang menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah, dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak.

16.3. Pekerja bergaji (sambilan)

Merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada enam jam sehari dan/ atau kurang daripada 20 hari sebulan.

NOTA TEKNIKAL

16.4. Kategori kemahiran

Kategori kemahiran telah dikelaskan berdasarkan Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 adalah seperti berikut:

16.4.1. Pekerja mahir

Pengurus, profesional dan penyelidik, dan Juruteknik dan profesional bersekutu;

16.4.2. Pekerja separuh mahir

Pekerja sokongan perkeranian, perkhidmatan dan jualan, Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan dan Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan serta Operator mesin & loji dan pemasang; dan

16.4.3. Pekerja berkemahiran rendah

Pekerja asas

16.5. Kategori kelulusan

Merujuk kepada kelulusan diperoleh daripada institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi seperti berikut:

